

Source: Berita Harian, Page 2 **Date**: 6 July 2019

Pusat gigi baru \$370j bagi penjagaan gigi pakar, pendidikan dan penyelidikan

PEMBUKAAN pusat gigi nasional baru di Kent Ridge membolehkan lebih ramai pesakit menerima rawatan pakar bersubsidi bagi masalah rumit

Dibina dengan harga \$370 juta, Pusat bagi Kesihatan Gigi Universiti Nasional itu kini boleh menampung lebih ramai pesakit – hampir 500 sehari – atau 40 peratus lebih tinggi berbanding empat tahun lalu.

Profesor John Eu-Li Wong, ketua eksekutif Sistem Kesihatan Universiti Nasional (NUHS) berkata bangunan 11 tingkat di kawasan seluas 34,000 meter persejitu juga memuatkan Fakulti Pergigian Universiti Nasional Singapura (NUH) yang dijangka menambah jumlah mahasiswa dari-

pada 60 kepada 80 setahun menjelang 2021, lapor *The Straits Times*.

Pusat itu menawarkan khidmat dalam bidang ortodontik, pergigian kanak-kanak, periodontik dan pembedahan gigi, rahang dan wajah.

la juga menyediakan khidmat jagaan pakar berbilang bidang bagi pesakit tua, serta golongan yang berkeperluan khas dan bermasalah rumit.

Semua bilik rawatannya boleh diakses dengan kerusi roda. Malah, satu bilik rawatan dilengkapkan dengan peralatan yang membenarkan pesakit menerima rawatan dalam kerusi roda.

Kerusi khas bagi pesakit yang mengalami masalah berat badan juga disediakan.

Empat bilik rawatan pula dibina lebih besar daripada yang lain supaya boleh digunakan oleh pesakit berkeperluan khas, termasuk mereka yang gerun berada dalam bilik kecil dan mengalami masalah kelakuan.

Pusat itu dilancarkan oleh Menteri Kesihatan Gan Kim Yong yang turut mengumumkan kursus diploma sambilan dalam jurusan Pergigian Geriatrik yang ditawarkan Fakulti Pergigian NUS tahun ini.

Kursus dua tahun itu bertujuan melatih doktor gigi untuk berkhidmat kepada pesakit warga emas.

Bersama Pusat Pergigian Kebangsaan Singapura di Kampus Outram, pusat pergigian baru di Kent Ridge itu dijangka menambah keupayaan Singapura menawarkan rawatan gigi pakar bersubsidi bagi masalah rumit.

Pusat itu sebahagian NUHS dan terletak bersebelahan Kelompok Pergigian Universiti NUH.

Pusat itu dibuka kepada awam Januari lalu.

Selain Fakulti Pergigian NUS, pusat itu juga menempatkan kemudahan latihan bagi program Terapi Kesihatan Gigi Politeknik Nanyang (NYP).

Mahasiswa jurusan pergigian NUS juga boleh menimba ilmu dengan cara inovatif, seperti menggunakan alat penjejak mata bagi membantu mereka memahami dan meneliti radiografi.



KEMUDAHAN BARU: Encik Gan Kim Yong (kiri) menyaksikan demonstrasi yang ditunjukkan oleh seorang pekerja di pusat baru itu. – Foto CMG